



**TEKS UCAPAN  
DATO' SERI ZAINAL RAHIM BIN SEMAN  
KETUA PENGARAH MAMPU**

**PERHIMPUNAN BULANAN MAMPU  
BULAN JUN 2015**

**TEMA PERHIMPUNAN:  
SEIA SEKATA TRANSFORMASI  
BERJAYA**

**30 JUN 2015 (SELASA)  
9.00 PAGI**

**AUDITORIUM B1  
JABATAN PERDANA MENTERI**



# **PENDAHULUAN**

## **Bismillahirrahmanirrahim**

Assalamu'alaikum        warahmatullahi  
wabarakatuh,

Salam    Sejahtera    dan    Salam  
1Malaysia:    Rakyat    Didahulukan,  
Pencapaian Diutamakan.

Yang dihormati Saudara dan Saudari  
Pengacara Majlis,

Yang Berusaha Dr. Aizi Razman bin  
Ismail

Timbalan Ketua Pengarah (Sektor  
Transformasi dan Pemodenan  
Pengurusan (TPP))

Yang Berusaha Dr. Suhazimah Dzazali  
Timbalan Ketua Pengarah (Sektor  
Teknologi Maklumat dan Komunikasi  
(TMK))

Ketua-Ketua Perunding TMK Sektor  
Awam

Pengarah-Pengarah Bahagian dan  
Cawangan

## Perunding-Perunding TMK Sektor Awam

Seterusnya warga MAMPU yang saya kasihi sekalian,

1. Marilah sama-sama kita panjatkan kesyukuran kepada Allah S.W.T kerana kita masih dikurniakan dengan nikmat iman, nikmat kehidupan dan masih dipanjangkan umur sehingga kita boleh sekali lagi menyambut ketibaan Ramadhan al-Mubarak bagi tahun ini. Semoga kedatangan Ramadhan al-Mubarak

bagi tahun ini akan menjadi satu peluang terbesar kepada kita untuk mengaut seberapa banyak pahala daripada pelbagai ibadat yang akan kita lakukan. Bulan Ramadhan adalah 'bulan Tarbiyah' – bulan latihan bagi kita supaya semua perkara dan kehendak hawa nafsu boleh dikawal demi untuk meningkatkan ketaqwaan kita kepada Yang Maha Esa. Ia terlalu tinggi nilainya dan harus disempurnakan dengan sebaik mungkin.

Hadirin yang saya hormati sekalian,

## INISIATIF-INISIATIF YANG BERJAYA DILAKSANAKAN

2. Tanpa disedari dalam pelaksanaan tugas dan tanggungjawab yang semakin mencabar, kita sudah pun sampai di pertengahan tahun 2015. Tempoh yang berbaki perlu dimanfaatkan untuk mencapai kejayaan yang diharapkan. Justeru, kita tidak boleh hilang arah dan fokus tetapi harus mengukuhkan ikatan silaturrahim dan sama-sama bertindak dalam semangat kebersamaan dengan cara terselaras.

3. Perubahan persekitaran yang dinamik dan mencabar telah mematangkan MAMPU sebagai agensi peneraju pemodenan sektor awam sejak 38 tahun penubuhannya. Keupayaan mengadaptasi perubahan persekitaran global, menganalisis kehendak pemegang taruh dan rakyat serta memenuhi hasrat pucuk kepimpinan tertinggi negara telah membolehkan MAMPU kekal teguh menggalas cabaran untuk terus relevan.

4. Melalui inisiatif-inisiatif pemodenan sistem penyampaian perkhidmatan yang meliputi aspek



pemantapan perancangan pengurusan organisasi, pengukuhan sistem dan prosedur kerja, pemanfaatan ICT dalam sistem penyampaian perkhidmatan, pemantapan pemantauan dan pengiktirafan serta pengukuhan budaya organisasi berprestasi tinggi dan inovatif, MAMPU telah berjaya membuktikan kewibawaannya.

5. Keupayaan menghasilkan program-program bitara yang ada antaranya merentasi agensi dan sempadan, pekeliling-pekeliling sebagai rujukan kepada agensi

kerajaan, penganjuran majlis atau persidangan yang signifikan dan *monumental* sama ada di peringkat kebangsaan mahupun antarabangsa adalah satu manifestasi kepada keupayaan yang dimiliki oleh warga MAMPU.

Hadirin yang saya hormati sekalian,

## **RAHSIA KEJAYAAN**

6. Banyak faktor yang mempengaruhi kejayaan sesebuah organisasi yang merangkumi aspek institusi antaranya teknologi, struktur,

sistem dan prosedur serta budaya namun aspek individu iaitu minda warganya yang mendakap satu paradigma pemikiran yang sama merupakan pencetus utama kejayaan. Individu dalam organisasi di semua peringkat dari atas ke bawah dan dari bawah ke atas perlu memahami agenda kepimpinan organisasi dan mengetepikan agenda-agenda berkait kepentingan diri.

7. Memahami dengan jelas dan berkongsi agenda kepimpinan, sungguhpun pertikaian dan perdebatan semasa proses perencanaan tidak

dapat dielakkan, namun setelah persetujuan dicapai, semua harus seia sekata merealisasikan bersama apa yang telah dipersetujui dan dipancarkan dalam kebersamaan pemikiran, kebersamaan tingkah laku serta perbuatan seperti perumpamaan bulat air kerana pemetung, bulat kata kerana muafakat, yang berat sama dipikul, yang ringan sama dijinjing dan bukan sebaliknya, bak kata pepatah rumah siap pahat berbunyi.

Hadirin yang saya hormati sekalian,

**MELANGKAH KE HADAPAN**

8. Dalam bab 9 dokumen Rancangan Malaysia ke-11 bertajuk Mentransformasi Perkhidmatan Awam untuk Produktiviti, nama MAMPU telah disebut. Apabila nama kita disebut dalam dokumen penting kerajaan, maka sudah tentulah tanggungjawab yang diberikan itu perlu dipikul sehingga sempurna pelaksanaannya. Rupanya kita masih lagi relevan.

9. Apabila MAMPU dikehendaki melaksanakannya, semua kita ada kena mengena daripada peringkat kumpulan pelaksana sehinggalah

kepada peringkat pegawai, cumanya, skop pelaksanaan tugas masing-masing, berbeza. Janganlah si kerani misalnya mengatakan dia tidak mempunyai peranan membantu pegawainya lantas tidak melibatkan diri (*disengaged*) terus.

10. Semua orang ada peranan dan tidak boleh berpeluk tubuh, memekakkan telinga serta memejamkan mata membiarkan rakan sejawat atau pegawai atasannya bergerak keseorangan. Ingatlah pendapatan yang diterima bulan-bulan

adalah timbal balik dari jawatan yang disandang.

11. Sesungguhnya, tidak kira apa jua tugas yang diberikan, cita rasa semasa mengehendaki kita menyelesaikannya dengan cepat dan tepat. Kita tidak punyai masa untuk berbahas panjang lebar mempertikaikan keputusan yang telah dibuat tetapi perbahasan kita haruslah tertumpu ke arah menjayakan keputusan itu dengan cepat, tepat dan selamat yang menuntut kepada kesatuan bukan sahaja dalam pemikiran tetapi juga perbuatan.

12. Dalam hal ini, sungguhpun transformasi teknologi telah mengambil alih peranan yang dilaksanakan secara konvensional sekaligus menghakis modal sosial organisasi, kita harus berusaha untuk mencari ruang dan peluang bagi merapat dan saling berhubungan, melibatkan diri secara aktif, memupuk kepercayaan sesama kita dan menanam rasa kepemilikan yang tinggi terhadap sesuatu tanggungjawab yang diberikan.

13. Kesemua empat (4) nilai ini yang membentuk modal sosial, seperti yang



dipertegaskan oleh Robert Putnam dalam buku beliau *Bowling Alone: The Collapse and Revival of American Community* (2000) yang terus menjadi perbincangan sarjana masa kini, perlu ada dalam diri warga sesebuah organisasi untuk mencetuskan satu fenomena yang menghasilkan produktiviti organisasi yang tinggi.

14. *Bowling Alone: The Collapse and Revival of American Community* menyentuh tentang kritikalnya penyertaan rakyat Amerika melalui organisasi-organisasi sosial dalam menyemarakkan amalan demokrasi.

Putnam menggunakan permainan bowling sebagai contoh. Walaupun berlaku peningkatan jumlah orang bermain bowling secara individu sejak 20 tahun kebelakangan ini tetapi jumlah orang yang bermain bowling secara berkumpulan telah menurun. Sekiranya ini berterusan, rakyat Amerika hidup dalam kepompong individualisme kerana mereka tidak terlibat dalam interaksi sosial masyarakat sekaligus membawa kepada kemerosotan modal sosial yang menjadi ancaman kepada amalan demokrasi negara tersebut.

15. Semangat persaudaraan dan bekerjasama dalam kalangan kita perlu dibuktikan melalui sikap untuk bekerja dengan bersungguh-sungguh, bertanggungjawab, berkorban masa dan tenaga serta sanggup berkongsi sumber dan kepakaran merentas bahagian dan agensi demi menjayakan objektif kewujudan MAMPU dan perkhidmatan awam.

## **PENUTUP**

16. Mudah-mudahan perkara ini akan menjadi perhatian kita sebagai warga MAMPU di semua peringkat. Saya

yakin dan insya-Allah kita akan mencapai lebih banyak kejayaan dalam melaksanakan inisiatif penambahbaikan sistem penyampaian perkhidmatan sektor awam pada tahun ini dan tahun akan datang.

Sekian,

Wabillahi Taufiq Walhidayah  
Wassalam Mualaikum Warahmatullahi  
Wabarakatuh.

Terima kasih.